

# Mantap sifat kepimpinan mahasiswa OKU

FOTO | IHSAN UPM

Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Kem Pembangunan dan Pementapan Kepimpinan Mahasiswa orang kelainan upaya (OKU) yang berlangsung di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Disertai 30 mahasiswa OKU universiti itu, kem yang dianjurkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu bertujuan membangunkan kepimpinan pelajar OKU berteraskan matlamat Malaysia Madani yang kelima.

Ahli Lembaga Pengarah UPM, Dr Noraishah Mydin Abdul Aziz berkata, kem itu menyediakan pelbagai modul bersifat kepimpinan dan pembangunan diri yang disediakan barisan fasilitator yang juga pensyarah Fakulti Ekologi Manusia UPM.

Katanya, kem ini juga berupaya membina sifat keyakinan dan bertanggungjawab pelajar OKU di universiti untuk cemerlang dalam akademik dan kemahiran insaniah.

“Usaha ini adalah menyahut seruan kerajaan bagi memperkasakan Kampus Inklusif OKU dan wajar dipergiatkan semua universiti dalam negara bagi mempersiapkan pelajar OKU dengan ilmu dan bakat memimpin



**PESERTA** bergambar bersama barisan fasilitator yang menjayakan Kem Pembangunan dan Pementapan Kepimpinan Mahasiswa OKU anjuran UPM.

negara,” katanya.

Penyelaras Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU UPM merangkap Ketua Fasilitator kem ini, Dr Wan Arnidawati Wan Abdullah berkata, modul yang dibangunkan bagi program ini adalah selaras matlamat

kem iaitu menerapkan sifat kepimpinan mahasiswa OKU.

Katanya, modul yang disediakan juga adalah dalam bentuk ‘experiential learning’ di dalam dan di luar kelas.

“Modul untuk kem ini terbahagi

tiga komponen iaitu pertama memfokuskan pembangunan diri di mana pelajar didedahkan dengan nilai diri dan sifat kepimpinan.

“Komponen kedua lebih kepada pembangunan dan pementapan kemahiran kepimpinan seperti

pengurusan emosi, semangat bekerjasama dalam kumpulan.

“Akhir sekali, komponen ketiga yang menyediakan platform aplikasi kemahiran kepimpinan melalui perbincangan dan pembentangan pelan

tindakan bagi kampus inklusif OKU UPM,” katanya.

Presiden Persatuan Mahasiswa OKU UPM, Pang Khong You berkata, modul yang diajar memberikan nilai tambah pembelajaran dan nilai insan yang membentuk keyakinan diri pelajar OKU.

Katanya, melalui aktiviti yang dijalankan, hubungan erat antara peserta berjaya dibentuk dan diharap dapat memudahkan pembabitatan pelajar dalam memperkasakan Persatuan Mahasiswa OKU UPM di masa akan datang.

“Saya berharap satu program mobiliti antarabangsa untuk pelajar OKU universiti awam dapat dibuat dalam masa terdekat untuk memberi pengalaman menguruskan program antarabangsa yang berimpak,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Profesor Dr Arifin Abdu berkata, idea kem terbabit dicetuskan Naib Canselor UPM, Datuk Profesor Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah yang merangka konsep ‘True North’ berpaksikan hasil, nilai dan keterangkuman ke arah motto UPM, Berilmu Berbakti.